- ii) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Paspoti 1968 dan Peraturan-Peraturan Imigresen

1963.

JAWAPAN

Tuan Yang dbPeriua,

Sepanjang tempoh Januari hingga Oktober tahun 2010, Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah menghadiri 6 forum antarabangsa iaifu:

- s) ASEAM Tourism Forum pada 23 hingga 29 Januari 2010 di Bandar Seri Begawan, Brunei yang dihadiri oleh 2 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM35,756. Y.B Menteri telah mengadakan mesyuarat hubungan dua hala dengan 9 Menteri ASEAN Pelancongan + 3 (China, Korea dan Jepun). Y.B Menteri juga telah mengambil peluang untuk berada di Brunei lebih satu hari bagi tujuan promosi melalui sidang media dan pertemuan dengan seramai 750 agen pelancongan termasuk syarikat penerbangan, 100 orang ahli korporat dan persatuan serta 415 orang media serta 16 temuramah dalam televisyen dan radio. Forum ini juga, Tourism Malaysia dan Royal Brunei Airlines telah menandatangani inisiatif Pemasaran Bersama. Produk-produk yang dipromosikan termasuklah shopping;
- ii) **ASEAN Ministers Trail Of Civilization Forum** pada 27 hingga 29 April 2010 di Siem Reap, Cambodia yang dihadiri oleh 2 delegasi

Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM43.875. Pada forum ini, Y.B Menteri telah memperkenalkan pakej Tourism Malaysia baru kepada agensi pelancongan dan media iaitu Cambodia - Malaysia UNESCO yang melibatkan pakej pelancongan Penang - Melaka - Seam Reap;

- iii) **Sebagai wakil kepada Perdana Menteri Malaysia ke Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia** di Astaka Malaysia pada 11 hingga 14 September 2010 di Shanghai, China yang dihadiri oleh 2 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM37,980. Beberapa peneraju industri pelancongan termasuk media-media dan ketua-ketua agensi pelancongan di provinsi-provinsi China telah dijemput. Hala tuju industri pelancongan Malaysia tahun 2010 telah dikongsikan bersama;

- iv) **Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan APEC ke-6** pada 19 hingga 24 September 2010 di Nara, Jepun yang dihadiri oleh 2 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM62,020. Y.B Menteri juga telah mengambil

peluang untuk berada 2 hari di Tokyo dan Osaka bagi tujuan mengadakan kerjasama promosi dalam mempromosikan pakej makanan Malaysia, Homestay dan Malaysia My Second Home (MM2N). Y.B Menteri juga telah bertemu seramai 240 agen pelancongan termasuk syarikat penerbangan, 60 orang ahli korporat dan persatuan serta 116 orang media. Shanghai Media News telah memberi liputan berita utama di televisyen pada hari tersebut. Y.B Menteri telah melawat stesen televisyen Shanghai Media News dan telah diwawancara mengenai kemajuan industri pelancongan di Malaysia dalam saluran Bahasa Inggeris;

- v) Guangzhou International Tourism Culture Festival (GSTCF) pada 24 hingga 27 September 2010 di Guangzhou, China yang dihadiri oleh 2 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM65,510. Selain daripada menghadiri GSTCF, Y.B Menteri juga diundang menghadiri ke acara UNWTO ~ World Tourism Day sebagai ahli panel yang dianjurkan oleh CNN China. Pada kesempatan ini, Y.B Menteri telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung UNWTO, Pengerusi China National Tourism Administration (CNTA) (Menteri) dan Gabenor Provinsi Guangdong. Y.B Menteri

4

menyampaikan maklumat kepada mereka mengenai kemajuan industri pelancongan dan produk-produk pelancongan baru di Malaysia. Semua kunjungan hormat dan seminar telah mendapat liputan

meluas oleh media; dan

- vi) **Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan T20 ke-2** pada 10 hingga 14 Oktober 2010 di Buyeo, Korea Selatan yang dihadiri oleh 3 delegasi Kementerian Pelancongan, 1 agen pelancongan, 1 agensi kerajaan negeri dan 1 syarikat penerbangan dengan kos RM43,680. Y.B Menteri telah mengadakan rundingan dua hala dengan beberapa Menteri Pelancongan G20. Y.B Menteri telah memanjangkan lawatan 1 hari di Seoul, Korea Selatan untuk bertemu 330 agen pelancongan termasuk agensi penerbangan, 50 orang ahli korporat dan persatuan serta 98 orang media. Y.B Menteri juga telah mengadakan perjumpaan khas dengan Presiden Hana Bank (institusi perbankan yang ke-4 terbesar di Korea Selatan), Korea Selatan bagi membincangkan kerjasama dalam mempromosikan program MM2H dan Homestay kepada pelanggan mereka. Y.B Menteri juga memberikan taklimat kepada lebih kurang 100 pelanggan yang berpendapatan tinggi. dan juga mempromosikan hartanah Malaysia pada pameran yang dianjurkan oleh Malaysia Properly Incorporated di Hana Bank;

Manakata, bagi *inis* kh&s proiTEoY Tourism Malaysia ke kiar aegara
aclaJak:

ASSAM

i) iaitu Thailand pada 2 hingga 7 September 2010 dan Singapura pada 1 hingga 2 Oktober 2010 yang dihadiri oleh 4 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM52,260. Y.B Menteri telah bertemu seramai 670 agen pelancongan termasuk agensi penerbangan, 150 orang ahli korporat dan persatuan serta 284 orang media. Antara produk baru yang telah dilancarkan ialah pakej pelancongan Rail Tourism dalam usaha mempromosikan homestay. Bagi meningkatkan produk pakej metnbeikbeSah mewah, golf dan Sain-iain;

ASIA BARAT DAN ASIA SELATAN

is) iaitu dengan menghadiri Arabian Travel Market di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) serta ke Kuwait dan Qatar pada 4 hingga 13 Jun 2010 yang dihadiri oleh 2 delegasi

Kementerian Pelancongan dengan kos RM97.000. Y.B Menteri telah bertemu seramai 1,450 agen pelancongan termasuk agensi penerbangan, 130 orang ahli korporat dan persatuan serta 422 orang media. Sepanjang berada di sana, kita telah lancar Pakej Percutian Ramadhan di Dubai, Kuwait City dan Doha;

EROPAH DAN OCEANIA

- iii) iaitu London, Munich dan Milan pada 25 hingga 31 Mei 2010 yang dihadiri oleh 2 delegasi Kementerian Pelancongan dengan jumlah kos RM491,987. Y.B Menteri telah bertemu dengan pemimpin-pemimpin Royal Horticultural Society untuk mempromosi produk Parks dan Gardens. Tourism Malaysia telah mengambil bahagian dalam Chelsea Flower Show dan telah memenangi pingat emas dalam kategori Show Garden seramai 150,000 pelawat terdiri daripada penggemar Laman dan Taman. Televisyen BBC telah membuat liputan Show Garden Malaysia dan mewawancara Y.B Menteri. Bagi Munich dan Milan produk seni kontemporari, Parks and Gardens, MM2H dan eco-tourism telah dipromosikan. Bagi misi New Zealand (Auckland, Rotorua, Christchurch dan Queenstown) dan Australia (Sydney, Melbourne dan Adelaide), Y.B Menteri telah meiwat pada 18 hingga 29 Ogos 2010 dengan kos RM244,720, Tujuan

utama adalah untuk mengkaji penutupan pejabat Tourism Malaysia di Melbourne dan memindahkan ke Auckland, New Zealand (pada masa ini, Tourism Malaysia ada 3 pejabat di Australia - Perth, Melbourne dan Sydney). Di antara produk pelancongan yang diketengahkan adalah Sandakan - Ranau Trail, Stop Over Holidays (Transit), Eco-tourism, Golf Tourism dan Luxury Shopping. Y.B Menteri juga mengkaji perkhidmatan perancangan helikopter dan feri yang begitu maju di mana bandar Queenstown hanya mempunyai populasi kurang dari 100,000 orang tetapi telah menersma lebih 1 juta pelancong melalui eco-tourism, Kementerian akan kaji untuk menggunakan rating system New Zealand (Qualmark) untuk produk pelancongan Malaysia bagi memastikan Malaysia mempunyai produk- produk pelancongan berpiawai antarabangsa. Beliau telah bertemu seramai 1,116 agen pelancongan termasuk agensi penerbangan, 540 orang ahli korporat dan persatuan serta 195 orang media;

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga bulan Oktober tahun 2010, hasil daripada lawatan Y.B Menteri termasuk taklimat kepada 9,173 melalui 306 acara iaitu seminar, *travel mart*, sidang media, wawancara media, perjumpaan khas, termasuk berjumpa dengan lebih daripada 20 Menteri-Menteri berkaitan daripada ASEAN, APEC, UN WTO dan G20. Antara liputan media utama termasuk Al-Jazeera, BBC, Shanghai News dan lain-

lain. Misi tersebut telah menjana publisiti secara langsung di bandar-bandar yang dilawati bernilai sebanyak RM36.5 juta. Ini tidak termasuk pakej-pakej pelancongan baru yang ditawarkan kepada pasaran seperti pakej-pakej pelancongan baru seperti Parks and Gardens, Homestay dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, industri pelancongan negara pada tahun 2010 (Januari - Ogos 2010) telah mencatat ketibaan sebanyak 16.18 juta pelancong asing iaitu peningkatan sebanyak 5.2 peratus bebanding tempoh yang sama bagi tahun 2009 sebanyak 15.38 juta ketibaan. Pendapatan pelancongan per kapita bagi setiap pelancongan asing adalah sebanyak RM2.256 pada tahun 2009. Oleh yang demikian, pada tahun 2010 sehingga bulan Ogos, jumlah pendapatan adalah sebanyak RM36.50 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak RM1.9 bilion.

SOALAY IMCX: W

P€WAM RAECYAY MALAYSIA PERTANYAAW USAM

PERYAS^YAAM : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI QNY I'A OH I* Ah!

[TANJONG MALIM]

YARBKH : 3 NOVEMBER LQio

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chusrn [Tanjong Maiim] minta MENTERI SUIIBER ASU DAN ALAIM3 SEKITAR menyatakan

- (a) sungai-sungai yang tercemar di seluruh Malaysia mengikut negeri dan punca pencemarannya; dan
- (b) apakah usaha pemuiihan yang sedang dilakukan ke atas sungai- sungai tersebut.

JAWAPAN"

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berdasarkan program pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun 2009, didapati terdapat 54 batang sungai yang dikategorikan sebagai tercemar di seluruh Malaysia. Senarai 54 sungai yang tercemar ini mengikut negeri dan punca-punca pencemarannya adalah seperti di LAM PS RAN.

(b) Pembersihan dan perlindungan sumber air negara termasuk air sungai merentas sektor and melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Persekutuan serta Negeri. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Sumber Air (Kuantiti dan Kualiti Air) yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain menjalankan pelbagai program bagi membersihkan dan memulihkan sungai-sungai di seluruh negara ke arah pencapaian objektif sungai yang hidup, bersih dan bertenaga (clean, living and vibrant rivers). Langkah-langkah yang diambil meliputi pencegahan pencemaran dan pemuliharaan sungai yang tercemar. Antara langkah-langkah ini ialah:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pencemaran dari punca-punca tetap (point sources);
- ii. Melaksanakan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran dan merumuskan strategi bagi mencegah pencemaran. Sebanyak 1063 stesen pengawasan kualiti air sungai juga telah ditubuhkan di seluruh negara;
- iii. Membina perangkap sampah dan perangkap kelodak di sungai;
- iv. Mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal di punca dengan mensyaratkan semua premis mengadakan sistem rawatan di tempat masing-masing contohnya pemasangan Sistem Penapis Sisa Makanan untuk semua premis makanan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- v. Melaksanakan program Satu Negeri Satu Sungai untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak

(degraded river) kepada keadaan asalnya;

- vi. Menyediakan satu Urustadbir Sumber Air Negara (Water Resources Governance) untuk merealisasikan pelaksanaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (integrated Water Resources Management atau IWRM) secara berkesan. Pendekatan IWRM adalah suatu pendekatan holistik yang menekankan pembangunan dan pengurusan sumber air, tanah, hutan dan sumber-sumber berkaitan secara bersepadu;
- vii. Melaksanakan kaedah Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (atau IRBM - Integrated River Basin Management) yang merupakan subset IWRM. Ia bertujuan untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan secara holistik supaya membawa pembangunan yang mampan di sekeliling sungai-sungai; dan
- viii. Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memelihara sungai.

Tanggungjawab menjaga kebersihan sungai terletak dibahu semua pihak berkepentingan dan anggota masyarakat. Rakyat dapat membantu memelihara kebersihan sungai dengan tidak membuang sisa buangan seperti sampah sarap, sisa ternakan, sisa kilang dan sebagainya ke dalam sungai.

Sekian, terima kasih.

**SUNGAI YANG TERCEMAR MENGIKUT NEGERI DAN PUNCA-PUNCA
PENCEMARANNYA PADA TAHUN 2009**

Negeri	Sungai Tercemar	Punca Pencemaran
Kedah	(1) Sg Korok (2) Sg Petani	Industri, Aktiviti Pertanian Industri
Pulau Pinang	(3) Sg Dondang (4) Sg Jelutong (5) Sg Ara (6) Sg Rambai (7) Sg AirMelintas (8) Sg Kereh (9) Sg Seluang (10) Sg Cempedak (11) Sg Jawi (12) Sg Tengah	Kilang Getah, Kumbahan, <i>Workshop</i> Kumbahan, Industri, <i>Workshop</i> , <i>Food Court</i> Industri dan Perumahan Ladang Penternakan Babi, Kumbahan Perbandaran Ladang Penternakan Babi Ladang Penternakan Babi, Pertanian, Industri Industri Kumbahan Perbandaran, Penternakan Babi dan Industri Industri
Perak	(13) Sg Seluang (14) Sg Lidin	Pertanian, Kumbahan Kumbahan Perbandaran, Industri dan <i>Workshop</i>
Selangor	15) Sg Batang Nilai (16) Sg Rambai	Industri Pertanian, Perternakan

	(1 ft) 8g Buloh	Tapak Pelupusan Industri, pertanian, ternakan, kumbahan
Selangor/ WP Kuala Lumpur	(19) Sg B unos (20) So f J'amansara -g .i'injang ■ r ; r-,; [v; rayong (23) Sg Keroh (24) Sg Penchala	Kumbahan Perbandaran Kumbahan, Industri Kumbahan, Perumahan Industri Kumbahan Perbandaran Industri
Melaka	(25) Sg Tuang (26) Sg Air Salak (27) Sg Chin- Chin (28) Sg Merlimau	Ladang Ternakan Babi Industri, Kumbahan Industri Industri, Pertanian, Kumbahan
Negeri Sembilan/J ohor	(29) Sg Kelamah (30) Sg Sarang Buaya	Industri Perladangan dan Kumbahan Perbandaran
Johor	(31) Sg Simpang Kanan (32) Sg Ayer Merah (33) Sg Lenga (34) Sg Serai (35) Sg Air Baloi (36) Sg Segget (37) Sg Bala (38) Sg Randan (39) Sg Plentong	Industri, Kumbahan Perbandaran Industri Industri Industri Perladangan, Ternakan dan Kumbahan Perbandaran Kumbahan Perbandaran Industri, Kumbahan Perbandaran Kumbahan dan Industri

	(40) Sg Sebulung (41) Sg Sengkuang (42) Sg Tampoi (43) Sg Danga (44) Sg Buloh (45) Sg Latoh (46) Sg Masai (47) Sg Perembi (48) Sg Tukang Batu (49) Sg Kempas	Kumbahan dan Industri Kumbahan dan Industri Kumbahan dan Industri Kumbahan Perbandaran Industri Industri Kumbahan dan Bekas tapak pelupusan sampah Industri Industri Kumbahan dan Industri
Pahang	(50) Sg Sepayang	Industri
Terengganu	(51) Sg Ransan	Industri
Kelantan	(52) Sg Alor Lintah	Kumbahan, Pasar dan Gerai
Sarawak	(53) Sg Adong	Industri
Sabah	(54) Sg Pang Burong 1	Industri

PEMBERSYAIHU PERTAIN YAAM DEWAW RAGCYOT

DARPADA *pb* L1SA
wr N
m
TAR5KH *m*
m

Y.B. DATO' IBRAHIM *BM* ALI
(PASIR MAS)

03=11=201®

SOALAN

Y.B. DATO' IBRAHIM **BIN** ALI [PASIR MAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha yang dibuat agar suatu masa nanti akan wujud Sekolah Satu Aliran Kebangsaan sehingga ia boleh membawa ke arah 'Integrasi Nasional yang berkekalan seperti di Singapura dan negara-negara lain serta selaras dengan Dasar 1 Malaysia iaitu Satu Dasar Nasional yang berpaksikan kepada Asas Perlembagaan Negara dan Rukun Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan semua kaum bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia. Pada masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan murid dan ibu bapa pelbagai kaum dan memupuk perpaduan

sejak awal persekolahan.

Di samping itu, pembelajaran Bahasa Ibunda Pelajar (POL) akan diperkukuhkan dengan menyediakan guru berkelayakan subjek Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan di seluruh negara bagi menarik minat murid mempelajari mata pelajaran tersebut yang boleh didapati dari Sistem Pendidikan Kebangsaan tanpa perlu ke sekolah jenis kebangsaan.

Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), KPM telah pun memperkenalkan Dasar Memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) supaya SK kekal sebagai sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Walaupun dasar ini memberi keutamaan kepada SK, namun KPM sentiasa memberi perhatian yang seimbang untuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) supaya pendidikan untuk anak bangsa Malaysia yang belajar di sekolah tersebut tidak dipinggirkan. KPM memperuntukkan belanja mengurus termasuk emolumen guru, Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) dan geran per kapita (PCG) yang sama kepada semua sekolah ini. Selain itu, untuk SK, SABK, SJKC dan SJKT yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan, KPM telah memperuntukkan RM100 juta di bawah peruntukan pembangunan dalam RMKe- 9. Dalam PIPP, tumpuan memperkasakan SK akan diberikan kepada sekolah rendah kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum daripada peringkat awal persekolahan. Dasar memperkasakan SK diwujudkan bagi memastikan semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu dan sekolah menengah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Matlamat dasar ini adalah untuk meningkatkan dan memperkukuh perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum. Justeru, pelajar-pelajar ini dapat dilatih hidup saling bekerjasama dan mempunyai semangat patriotisme serta toleransi yang tinggi selaras dengan aspirasi nasional.

Fokus memperkasakan SK pada peringkat sekolah rendah dan menengah adalah untuk menjadikan sekolah-sekolah ini lebih beraspirasi nasional,

NO. SOALAN : 33

meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Sasaran jangka panjang KPM adalah untuk menjadikan SK pusat kecemerlangan pendidikan daripada semua segi seperti prasarana, disiplin, keselamatan pelajar, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan ICT, kualiti gfsn' dan kepimpinan sekolah. Satu penan^a xms ak&r* iiteiapkan bagi memastikan agenda memperkasakats 8K akan terus berada pada iandasan yang betu! dan usaha akan dilaksanakan bagi mengena! pasti SK yang cemerlang untuk dijadikan model kepada SK lain. Walaupun KPM memberikan penekanan kepada usaha rmemperkasakan SK, namun SJK tidak akan diabaikan supaya pendidikan kepada anak bangsa Malaysia di sekoiah-sekolah tersebut terjamin

SK yang telah diperkasa akan diterajui oleh Guru Besar yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan berkesan, mempunyai kumpulan guru terdiri daripada pelbagai kaum yang cekap, terlatih, komited bagi menjamin budaya sekolah yang sihat dan kondusif serta dapat mengeratkan hubungan dan penglibatan masyarakat, ibu bapa dan warga sekolah. SK ini juga akan mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berkualiti bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik dan kokurikulum serta sahsiah yang cemerlang

Rjm 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN TENG BOON SOON**

[TEBRAU]

TARIKH : **8 NOVEMBER 2010**

SOALAN :

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta PERDANA MENTERI

menyatakan adakah Perdana Menteri selaku ketua kabinet akan bercadang mewajibkan setiap anggota kabinet secara mandatori menyokong konsep 1 Malaysia untuk memastikan Program Transformasi Kerajaan akan berjaya seperti yang diusahakan.
Tf san Yarpi di-Fsrtua,

Kotisep i Mdaysi.'; bHE-~niP.fr- sat'i fconsef.* y^nn ^oleh diu-sk^a, M
hsrus datang secars sulcarela hasil kesedaran setiap indMdu bah&tw
uniung nasib mereka akan terpelihara secara kolektif. Sudah pasti setiap
asiggota

kabinet akan menyelami konsep ini secara bersama bagi memastikan segala program yang dianjurkan oleh Kerajaan akan memenuhi aspirasi konsep 1 Malaysia.

Untuk 1 Malaysia berjaya ia memerlukan komitmen semua pihak, tidak hanya anggota kabinet. Kita tidak mempunyai pilihan lain selain berjaya mencapainya. Alfernatif kepada kejayaan 1 Malaysia adalah sebuah negara Malaysia yang berpecah belah, tidak stabil dan lemah. Demi untuk anak-anak kita ini bukanlah masa depan yang kita dambakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)

TARIKH : 08.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris, bahasa yang telah diterima sebagai bahasa antarabangsa dan sains dan teknologi kini, di kalangan anak-anak muda dan pelajar-pelajar terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang beberapa strategi khusus bagi memperkasa mata pelajaran Bahasa Inggeris terutamanya di sekolah luar bandar. Antara langkah yang diambil ialah dengan penubuhan Jawatankuasa Memperkasakan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) di peringkat KPM yang sedang merangka program-program bagi mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid seperti Program Penutur Jati dan Program *Virtual Teacher Support Network* (VTSN).

Di samping itu juga, KPM sedang melaksanakan transformasi kurikulum Bahasa Inggeris pada peringkat sekolah rendah secara berperingkat mulai tahun 2011 bermula dengan Tahun 1. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Snggeris menggunakan pendekatan *modular* yang memberikan penekanan kepada kemahiran bahasa iaitu mendengar dan bertutur (*listening and speaking*), membaca (*reading*) dan menulis (*writingj*, kemahiran seni bahasa (*language arts*) dan tatabahasa

(*grammar*).

Terdapat tiga elemen baru yang diperkenalkan di dalam kurikulum baru ini ialah:

- (i) Pembeajaran fonik (*phonics*) secara sistematik akan diajar kepada murid Tahun 1 dan Tahun 2 di dalam Modul Membaca (*Reading*) agar mereka boleh mengenal bunyi-huruf dan cara untuk menggabungkan bunyi-huruf tersebut yang sekaligus membolehkan murid menguasai kemahiran membaca;
- (ii) Pengenalan Modui Seni Bahasa (*Language Arts*) akan membolehkan murid memberi tumpuan kepada apresiasi bahasa yang menitikberatkan persembahan dan penghasilan kreatif tersendiri setiap murid; dan
- (iii) Modul Tatabahasa diperkenalkan kepada murid mulai Tahun 3 agar mereka mempunyai pengetahuan dalam tatabahasa yang akan membantu mereka dalam pembeajaran bahasa Inggeris.

Kurikulum ini mampu diserap oleh semua murid termasuk di luar bandar berdasarkan sebab-sebab yang berikut:

- (i) kemahiran asas literasi yang diberikan penekanan di peringkat Tahun 1 dan Tahun 2 akan membantu murid di luar bandar yang tidak memasuki kelas prasekolah;
- (ii) pengajaran dan pembeajaran yang dicadangkan adalah lebih menyeronokkan, bermakna dan turut menggunakan teknologi ICT akan menarik minat murid untuk belajar;

pentaksiran juga dipelbagaikan agar penilaian yang holistik dan autentik dapat dijalankan dengan mengambil kira kepelbagaian kepintaran (*multiple intelligences*) murid; dan

KPM juga menyediakan bahan bacaan tambahan untuk sekolah rendah serta menyediakan guru tambahan Bahasa Inggeris bagi Tahun 1 dan Tahun 2, khasnya untuk sekolah-sekolah di luar bandar.

SOALAN NO: 35

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN MOKTAR BIN RAD IN
DARIPADA 8 NOVEMBER 2010 (ISNIN)
DATUEC BUEN3G MECIMt *BM*
TARIKH [RADSM minta ilEMIERI YvRIMSIMa
SOALAN DAM ■■:J0STRI AS AS TAM0
LiSAN menyatakan:
DATUK BUNG

Tentang pelaksanaan Subsidi Beras (SUBUR) seperti yang telah dipersetujui oleh kerajaan terhadap masyarakat miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) pada asalnya dipersetujui dilaksanakan bermula 1 Disember 2009 namun telah ditangguh bagi membolehkan senarai penerima bantuan tersebut dikemas kini. Melalui senarai e-Kasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) jumlah penerima program ini yang telah dikenal pasti sehingga 1 November 2010 adalah lebih kurang 210,000 ketua isi rumah manakala senarai pemohon yang telah diterima oleh Kementerian melalui 222 urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) adalah berjumlah 520,000 orang. Senarai penerima sedang dimuktamadkan oleh UPP, JPM. Usaha juga sedang dibuat untuk memperkemas mekanisme SUBUR dan apabila usaha ini selesai Kementerian akan memperakukan semula untuk persetujuan Kabinet.

I WhMJM ASfTi^f

MCLAUP

PEI1BERETAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LE8AN
DEWAN RAKYAT

PERTAWYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LSSi GUAM ENG [BAGAM]
TAR1KH : 8 NOVEMBER 2010
RUJUMAM : 307!

SOALAN:

Tuan Lim Guaoi Eng [Began] minta HIEMTERi DALAM NEC3ERI menyatakan apakah hasil siasatan terhadap laporan polis yang dibuat ke atas Utusan Malaysia berikutan fitnah terhadap saya dan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Nyatakan juga berapakah Ketua Menteri dan Menteri Besar berkaitan yang telah diambil keterangan polis untuk sebarang kes polis sejak Mac 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan pertama, setakat ini pihak polis telah menerima dua (2) laporan yang dibuat terhadap Utusan Malaysia. Kedua-dua kes tersebut sedang disiasat mengikut Sek.4(1)(c) Akta Hasutan 1948.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan ke dua pula, pihak polis tidak mempunyai rekod bilangan Ketua Menteri dan Menteri Besar berkaitan yang telah diambil keterangan polis untuk sebarang kes polis.

PEMBERETAHUAN FERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

D ARIF ADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADC4-JG]

TARIKH 8 NOVEMBER 2010!

SOALAN 37

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh manakah kejayaan sistem e-Daftar kenderaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan membantu mewujudkan satu sistem yang komprehensif untuk negara.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

JPJ telah melaksanakan sistem e-Daftar iaitu pendaftaran kenderaan binaan dan pemasangan tempatan secara elektronik mulai tahun 2001. Bagi tujuan pendaftaran, maklumat kenderaan dihantar secara elektronik oleh pembuat dan pemasang kenderaan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan. Perluasan sistem e-Daftar ke atas kenderaan import telah mula dilaksanakan pada 1 Julai 2010. Selaras dengan itu, pada masa ini, pendaftaran kenderaan telah dilaksanakan secara elektronik dan tidak lagi secara manual.

Selain itu, sistem e-Daftar turut diintegrasikan dengan agensi yang berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta PUSPAKOM. Penggunaan sistem ini sekaligus memastikan kesahihan data dan meningkatkan integriti di samping meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

NO, SOALAN :38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASSAH

[SUBANG]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2010

SOALAN :

Y.B. Tuan Stvarasa a/f K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan boleh bersetuju menggunakan Peraturan 81 Peraturan-peraturan Mesyuarat Parlimen untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan untuk memantau perjaianan setiap kementerian-kementerian penting dan jagg mengkaji dan membahas semua rang undang-undang yang penting sebelum dibentang untuk bacaan kedua dan ketiga.

RfIEHTERE DB JABATAEI PEROAMA MEMEm

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN: Y.B DATO⁵ERSMOHA11ED HAZRI AZE

Kerajaan tidak be read a ng untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan untuk memantau perjalanan setiap kementerian-kementerian penting seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

No: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK IR. ONG TEE KEAT

TARIKH

8 NOVEMBER 2010

SOALAN

39

Datuk Ir. Ong Tee Keat [Pandan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- a) kenapa dana sukuk yang diwujudkan oleh Kuala Dimensi Sdn. Bhd. bagi membiayai projek PKFZ melalui empat (4) buah SPV itu dibenarkan agar mengenakan kadar faedah yang setinggi 7.5% setahun, berbanding dengan kadar 5% setahun yang telah dipersetujui pada peringkat awal; dan
- b) apakah sukuk itu pernah diberi jaminan oleh Kerajaan, jika ya, mengapa, jika tidak, kenapa Lembaga Pelabuhan Klang diarahkan oleh Menteri untuk menjelaskan bayaran faedah tahun ini walaupun projek PKFZ itu didapati terdapat banyak kekurangan dan kecacatan dalam pembinaannya.

IAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Kedua-dua pertanyaan yang dibangkitkan oleh YB Pandan didasarkan kepada isu atau hal perkara yang sedang dibicarakan di Mahkamah. Oleh itu, pertanyaan tersebut tidak dapat diperjelaskan kerana ia akan condong kepada mengganggu perjalanan keadilan yang teratur dan menyanggah kaedah *subjudice*.

SOALAM NO:

PEMBERETAHUAM PERTAMYAAM DEKIM R AKYAT

PERTAMYAAKJ.; USAfiv)

DARBPADA : TUAM CHARLES AMTHOMY A/L FL8AIM TIAGO

[KLAWO3 TAWH : 8

WQYESIBER 2@1@

SOALAM :

TUAN CHARLES AMTHOWY A/L RLSAMI0AC3© minta PERDAMA S1ENTE1R1 menyatakan cadangan Kerajaan untuk menyiasat dakwaan rasuah mengenai projek Centralised Sewerage System Kuching bernilai RM530 juta pada 30 September, 2008. Projek ini disub-kontrak kepada Hock Seng Lee Bhd (HSI) untuk RM452 juta, tiga minggu kemudian, kurang RM78 juta.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

[AA SA'ALALA 411

PEMB ERSTAHUAIM PERTANYAAN OEWAN RAGCYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Klang, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjalankan siasatan sekiranya terdapat kes-kes di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ini.

Sekian, terima kasih.

PERTAMYAAIN! - LIS AN

DARIPADA : DAT[©] SERA AMWAR BfiSVi SBRAE«

[PERiiAIA^e PAUR 1

[AA SA'ALALA 411

PEMB ERSTAHUAIM PERTANYAAN OEWAN RAGCYAT

IARSKH : § MOVEEiBER 2010 *mUM}*

SQALAM :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim IPermatamg PauhJ minta PERDAMAMEMTERfi menyatakan kewajaran Kerajaan menyuntik RM15 bilion (sehingga tahun 2013) kepada 1MDB yang melaburkan kira-kira 70% daripada modal kerjanya dalam sebuah syarikat usaha sama antara 1SV3DB dan PetroSaudi International Limited (PSI). Apakah peranan Low Taek Jho atau Jho Low dalam 1MDB dan projek pembangunan semula pangkalan Sungai Besi.

JAWAPAIM:

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada dana pemegang saham, Kerajaan tidak pernah menyuntik apa-apa dana kepada 1MDB. Dana 1MDB sedia ada yang berjumlah RMS bilion diperolehi melalui terbitan Nota Jangka Sederhana Islam (*Islamic Medium Term Notes* atau IMTN) yang dijamin oleh Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Encik Low Taek Jho tidak mempunyai apa-apa peranan di dalam 1MDB dan tidak terlibat dalam projek pembangunan hartanah strategik Sungai Besi.

SOALAN NO. 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
(PKR) (AMPANG)

TARIKH : 8 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (BN) (Ampang) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan YB Bandar Kuching bertarikh 9 November 2009, memandangkan sudah ada laporan terbaru mengenai wanita Penan dikeluarkan, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan sejauh manakah siasatan Pasukan Penyiasat Khas yang ditubuhkan itu telah berjalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan dianggotai oleh bersama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Pertubuhan Bukan Kerajaan amat peka akan usaha secara berterusan untuk menangani masalah yang dihadapi

Jawapan ini telah diifitikan oleh Y.BrsiTKSU (Dp Segala pinclaan perlu cfirijuk

seamPa lcepada pihak Urusetia bagi rrwaiasiltan tosafiihart maklumat oleh kaum Penan. Dalam hal ini, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalin kerjasama strategik dengsn Sarawak Women for Women Society (8WWS) untuk melaksanakan tiga program iaitu program Gangguai. Seksual Pembangunan Minda dan "Wanita Bijaksana Kefuarcja aejahtera". Program-program tersebut dilaksanakan rj[Long Lama, Long San dan Batu NiaP Mirk Sarawak.

Fasa I program iaitu "*familiarisation trip*" telah diadakan pada 21 Jim hingga a Julai 2009 di E-'etiga-tiga kawasan (Long Lama, Long San dan Batu Niah, Miri, Sarawak). Fasa I program bertujuan mengenal pasti sukarelawan yang terdiri daripada pelajar- pelajar sekolah dan masyarakat Penan yang akan menyertai Fasa II program iaitu "*training of trainers*" (TOT). Seramai 1,300 orang peserta telah terlibat dalam Fasa I ini. Program (TOT) Fasa II iaitu di Long Lama diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2009. Program TOT dalam fasa ini telah dimanfaatkan oleh 382 sukarelawan yang dikenal pasti yang seterusnya berfungsi untuk memberi kesedaran kepada kaum Penan, khususnya wanita dan pelajar-pelajar sekolah mengenai gangguan seksual, pembangunan minda dan sebagainya.

Program bagi Fasa III yang sepatutnya dilaksanakan pada Oktober 2009 telah ditunda kepada 23 hingga 26 Mac 2010. Objektif program ini adalah bagi membolehkan sukarelawan Penan yang terdiri daripada guru, pelajar sekolah dan masyarakat Penan berbincang serta bertukar-tukar pandangan dengan remaja dan gadis Penan mengenai cara untuk mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa atau menghindar daripada ancaman orang luar yang selain dari komuniti mereka. Salah satu sesi yang diadakan dengan pelajar-pelajar Penan di sekolah Long San dan Long Sait juga memuatkan topik keselamatan diri.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak KPWKM telah dimaklumkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bahawa PDRM memandang serius ke atas semua dakwaan kejadian jenayah terutama kes penderaan seksual yang melibatkan gadis dan wanita Penan. Penyiasatan telah dijalankan walaupun tiada pengaduan polis dibuat. Maklumat yang diterima disiasat bagi memastikan kewujudan kejadian jenayah seperti yang didakwa.

Satu pasukan penyiasat telah dihantar ke kawasan Baram untuk mengesan mangsa dan saksi yang telah ditemu bual mengikut laporan, bagi memastikan kesahihan dakwaan berkenaan. Hasil siasatan mendapati dua kes tidak dapat diteruskan siasatan kerana mangsa tidak dapat mengenal pasti perogol, satu kes keterangan menunjukkan mangsa telah berkahwin dengan suspek menurut adat Penan manakala siasatan bagi lima kes lagi, saksi menyatakan tidak wujud kejadian seperti yang didakwa.

Jawapan Ins telah cfiuluskan cieli Y»Brs3TKSU |DJ, Segala pimdaan periu ciirujulc
serriila kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat
PERTAiWAAIM “ LGSAM

DARIPADA ; THAW AZAM BIN ISfiABL

[IMDERA HAHKOTA]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2010(MW)

SQALAM :

Tuan Azami B&1 Ismail [lod@ra Malhkota] rninta PEIEDAMA S¥iEIMTE[RD menyatakan apakah kaedah dan tujuan penubuhan 1MDB. Sejauh manakah perjalanan serta pencapaian syarikat tersebut.

JAWAPAN °

Untuk makluman Yang Berhormat, 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah sebuah syarikat pembangunan strategik milik Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. 1IW1DB juga bertindak sebagai *transformative force* untuk merealisasikan aspirasi-aspirasi Kerajaan yang didorong oleh persekitaran kehendak pasaran (*market-driven*).

2. Sehingga kins, 1MDB telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Kerjasama Strategik seperti berikut:

- i. Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan Qatar Investment Authority bagi pelaburan bernilai US\$5 bilion di dalam pelbagai sektor;
- ii. Memeterai perjanjian kerjasama strategik bersama Abu Dhabi Future Energy Company ("Masdar") untuk meneroka dan melabur di dalam projek teknologi bersih dan pembangunan bandar bebas karbon pertama serantau. Masdar adalah anak syarikat milik penuh Mubadala Development Company PJSC, sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh Kerajaan Emirate Abu Dhabi;
- iii. Memeterai perjanjian rangka kerjasama bersama State Grid Corporation of China ("SGCC") untuk melaksanakan beberapa projek yang telah

MU. SuALAtY <4Y

PEMB E RITAHUAM PERTAWYAAM OEAWAW RAKYAT

dikenalpasti di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak ("SCORE") yang dijangka dapat menghasilkan nilai ekonomi sebanyak US\$11 billion.

- iv. Penubuhan sebuah syarikat usahasama dengan PetroSaudi International Limited ("PSI") melibatkan modal berjumlah US\$2.5 bilion (RM8.5 bilion) untuk mendapatkan, meneroka dan mengambil bahagian dalam peluang ekonomi dan perniagaan yang boleh membawa kepada peningkatan kemakmuran masa depan dan pembangunan ekonomi mampan jangka panjang Malaysia dan Arab Saudi.

